



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

LAPORAN AUDIT KUALITI DALAMAN

Organisasi	Institut Aminuddin Baki	Muka surat	1/ 6
		Bil. Audit	Bilangan 2/2025
Lokasi Audit	IAB Induk Bandar Enstek	Skop	Penyampaian Perkhidmatan Latihan, Pentaksiran, Konsultasi, Penyelidikan, Penerbitan dan Pasukan Pemikir.
Auditi	Staf IAB Induk Bandar Enstek Urus setia SPK	Jawatan	Pengurusan Tertinggi, Ketua-Ketua Pusat, Ketua-Ketua Jabatan, Pensyarah Kanan, Pegawai Latihan dan AKP
Kriteria Audit	Audit Dalam MS ISO 9001: 2015		
Audit Objektif	- Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti IAB menunjukkan keakuran terhadap memenuhi keperluan Standard MS ISO 9001: 2015. - Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti IAB mematuhi prosedur dokumentasi yang diwujudkan. - Memastikan sistem pengurusan kualiti dilaksanakan dan diselenggarakan secara berkesan.		
Ketua Pasukan	Norfadzlianawaty binti Mohd Fathel	Juruaudit	Enam Pasukan (Rujuk Lampiran A)
Tarikh Audit	2 - 26 September 2025		
Bil. orang/hari	27/16	Tahap Kerumitan	Sederhana
Bil. Ketakuran	0	Bil. Peluang untuk Penambahbaikan	0

1.0 MAKLUMAT ORGANISASI DAN AUDIT

- 1.1 Institut Aminuddin Baki Induk Bandar Enstek terdiri daripada lapan buah pusat dan pejabat pendaftar.
- 1.2 Bilangan pengurusan tertinggi seramai empat orang, pensyarah seramai 173 orang dan anggota pelaksana seramai 130 orang.
- 1.3 Audit Kualiti Dalam telah dilaksanakan daripada 2 hingga 26 September 2025 (16 hari bekerja) dengan juruaudit seramai 27 orang.

2.0 RUMUSAN AUDIT

2.1 Komitmen Pasukan Audit

Proses audit dalaman melibatkan enam pasukan audit dianggotai oleh 27 orang juruaudit dalaman IAB Induk Bandar Enstek termasuk satu pasukan audit silang yang dianggotai oleh seorang juruaudit induk dan empat orang juruaudit cawangan. Semua juruaudit yang dilantik mempunyai Sijil Audit Kualiti Dalaman dan sebahagian juruaudit memiliki Sijil Ketua Juruaudit. Pasukan juruaudit ini komited dan mempamerkan kompetensi yang tinggi dalam pengauditan. Semua auditi memberikan kerjasama yang baik dalam proses audit.

2.2 Analisis Data

Dapatan audit dirumus merujuk kepada penemuan audit dan bukti audit yang ditemui. Semua penemuan audit dianalisis dalam dua peringkat iaitu:

2.2.1 Konsensus dalam pasukan audit.

2.2.2 Konsensus di peringkat Ketua Juruaudit, urus setia dan ketua-ketua pasukan audit.

2.3 Kawalan Aktiviti Kritikal

2.3.1 IAB telah merancang dan melaksanakan kawalan aktiviti kritikal (Penyampaian Latihan, Konsultasi, Penyelidikan, Pentaksiran dan Penerbitan) melalui pembentangan dan pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan, Jawatankuasa Teknikal e-Pembelajaran, Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan, Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan dan Mesyuarat Lembaga.

2.3.2 Pengajian. Aktiviti kritikal juga dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Ketua Pusat dan Ketua Jabatan (KP/KJ).

3.0 TINDAKAN AUDIT SUSULAN

Tiada NC dan OFI ditemui.

Ketua Juruaudit	Tandatangan:  NORFADZLIANAWATY MOHD FATHEL Pensyarah Kanan Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia	Tarikh	10/10/2025
Wakil Auditi	Nama/Tandatangan  DR. SHARIFFAH SERTAN JAMILA BINTI SYED IMAM Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Profesional) Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia	Tarikh	13/10/25

4.0 PENEMUAN AUDIT UTAMA

4.1 Komitmen Pengurusan Atasan/ Konteks

Pihak pengurusan atasan IAB Induk Bandar Enstek telah memberi kerjasama, sokongan dan komitmen yang tinggi bagi memastikan pelaksanaan proses kerja dan pematuhan prosedur kualiti yang telah ditetapkan. Pengurusan tertinggi telah mempengerusikan Mesyuarat Pembukaan Audit Kualiti Dalaman Bil. 2/2025 pada 2 September 2025 dan Mesyuarat Penutupan Audit Kualiti Dalaman Bil.2/ 2025 pada 26 September 2025.

4.2 Kajian Semula Pengurusan

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

4.3 Pelaksanaan Dasar dan Objektif Kualiti dan Perancangan

Dasar kualiti telah dipaparkan di lokasi yang strategik oleh pihak pengurusan IAB agar staf dapat membaca dan menghayatinya. Bahan hebahan Standard Kualiti MS ISO 9001:2015 juga terdapat di lokasi strategik.

4.5 Kawalan terhadap Aktiviti Kritikal

Tiada ketakakuran berlaku sepanjang proses audit dijalankan.

4.6 Aduan Pelanggan, Maklum balas dan Komunikasi

Pihak IAB telah menyediakan kod QR bagi warga IAB untuk melaporkan aduan atau maklum balas di lokasi umum seperti di dinding pintu masuk lif, di pantri dan di sekitar IAB.

4.7 Keutamaan terhadap Pelanggan

Pihak pengurusan IAB Induk Bandar Enstek didapati telah melaksanakan pemantauan dan mengambil tindakan penyelesaian terhadap semua aduan yang dikemukakan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.

4.8 Pengukuran, Analisis dan Pemantauan Data

Pihak pengurusan didapati melaksanakan pemantauan mengikut keperluan selepas mendapatkan maklumat mengenai penilaian kursus berdasarkan analisis borang BK15a, BK15b, BK15c, BK15d, BK30 dan BK38.

4.9 Tindakan Pembetulan/Pengurusan Risiko

IAB Induk Bandar Enstek telah melaksanakan semua tindakan pembetulan dan tindakan penambahbaikan berdasarkan Audit Kualiti Dalam Bil. 1/2025.

4.10 Pematuan terhadap Keperluan Peraturan dan Arahan Kerajaan

IAB sentiasa melaksanakan tindakan berdasarkan peraturan dan pekeliling yang ditetapkan.

4.11. Penambahbaikan Berterusan

Objektif dan sasaran IAB Induk dapat dipantau daripada data yang diperolehi hasil penilaian pelanggan dan dianalisis untuk tindakan penambahbaikan. Objektif juga dipantau melalui pelaporan pencapaian KPI secara berkala.

4.12. Kawalan Dokumen dan Data/Kematangan Sistem

Pihak IAB Induk didapati telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti dengan baik walau bagaimanapun terdapat dokumen yang perlu dikemaskinikan.

4.13. Pengurusan Sumber/Pengetahuan Organisasi/Kekompetenan Sumber/Pengetahuan

Organisasi/Kekompetenan diurus dengan baik.

4.14 Aktiviti Perolehan dan *outsourced*

Proses perolehan dilaksanakan dengan baik dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

4. 15 Reka bentuk dan Pembangunan

Reka bentuk dan pembangunan kursus baharu sentiasa dilaksanakan di peringkat IAB, pusat dan jabatan.

4.16 Audit Dalam Lepas

Tindakan penambahbaikan telah diambil oleh auditi untuk penambahbaikan yang berterusan.

5.0 KOMEN LAIN

5.1 Komen Positif

KJ JPIK telah mewujudkan satu sistem bagi mengumpul semua dokumen yang berkaitan audit dalaman dan audit SIRIM bermula 2025. Nama sistem: IAB Integrated Audit Management System (IIAMS). Sistem ini telah mula digunakan semasa Audit Dalaman Bil. 1/2025 bertarikh 5 Februari - 28 Februari 2025.

5.2 Pemerhatian/Peluang untuk Penambahbaikan

Tiada.

5.3 Penambahbaikan Audit Lepas (termasuk Tindakan Susulan terhadap Ketakakuran)

Tindakan penambahbaikan sejak audit yang lepas dan tindakan susulan telah diambil tindakan oleh pihak pengurusan dan auditi.